

# HORF LOZENGES

Chlorhexidine Hydrochloride 5mg, Benzocaine 2mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HORF LOZENGES
2. Bagaimana HORF LOZENGES berfungsi
3. Sebelum menggunakan HORF LOZENGES
4. Cara menggunakan HORF LOZENGES
5. Semasa menggunakan HORF LOZENGES
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HORF LOZENGES
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan HORF LOZENGES

HORF LOZENGES digunakan untuk mencegah keradangan membran mukus mulut, stomatitis gangren, faringitis (sakit tekak), laringitis (keradangan pada larinks), tonsilitis (keradangan tonsil), keradangan pada gusi gigi serta jangkitan bakteria selepas pembedahan tonsil dan mencabut gigi. HORF LOZENGES juga boleh digunakan untuk melegakan sementara kesakitan yang berkaitan dengan masalah gigi dan sakit tekak.

## Bagaimana HORF LOZENGES berfungsi

Chlorhexidine dikelaskan sebagai disinfektan. Chlorhexidine boleh mengakibatkan kematian bakteria dengan keupayaan untuk mengganggu membran sel bakteria dan menyebabkan kematian bakteria. Benzocaine adalah sejenis anestetik yang melegakan kesakitan topikal.

## Sebelum mengambil HORF LOZENGES

### -Bila tidak boleh mengambil

Apabila anda alah terhadap chlorhexidine hydrochloride dan benzocaine.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan HORF LOZENGES bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan HORF LOZENGES

### -Berapa banyak harus digunakan

1 lozenge, 4 – 5 kali sehari

### -Bila perlu digunakan

HORF LOZENGES perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

### -Berapa lama perlu digunakan

HORF LOZENGES perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

## Semasa menggunakan HORF LOZENGES

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

HORF LOZENGES tidak harus digunakan untuk rawatan diri untuk jangka masa lebih daripada 2 hari atau untuk kanak-kanak di bawah 3 tahun, melainkan diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

## Kesan-kesan sampingan

HORF LOZENGES mengandungi chlorhexidine. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan terhadap chlorhexidine.

Berhenti penggunaan produk dan dapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami ruam, gatal-gatal, bengkak, kesukaran bernafas, pening atau degupan jantung yang cepat.

HORF LOZENGES mungkin menyebabkan perengsaan, dermatitis (keradangan pada kulit) dan kesakitan pada lidah. HORF LOZENGES mungkin akan menyebabkan methemoglobinemia di kalangan bayi dan kanak-kanak. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan HORF LOZENGES

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

HORF LOZENGES perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna produk

HORF LOZENGES merupakan tablet yang berwarna putih, satu permukaannya ditandakan dengan skor.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

*Chlorhexidine hydrochloride*  
*Benzocaine*

-Bahan tidak aktif:

*Sodium Saccharin*  
*Mannitol*  
*Lactose*  
*Menthol*  
*Sugar*  
*Magnesium Stearate*  
*Talc*  
*Dimethylpolysiloxane*  
*Cellulose Sodium*  
*Peppermint Oil*  
*Spearmint Oil*

-Nombor MAL

MAL19940289AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Y. S. P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7,  
Section 13, Kawasan Perindustrian  
Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang,  
Selangor, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

12/09/2025

**Nombor Siri**

NPRA(R2/1)250910/01539